

Berita Kampus

[Penjelasan Amalan Kekeluargaan Tradisional Afrika...](#)

[Misi Kebajikan Pusat Islam UKM Ke Kemboja...](#)

[Khemah Musim Panas Untuk Murid Korea Di UKM...](#)

[Bakat Dan Kebolehan Berkomunikasi Penting Untuk Mendapat Pekerjaan...](#)

[UKM Menentang Sebarang Perlakuan Ciplak...](#)

[Pekerjaan Mengikuti Segmentasi Jantina...](#)

[Perubahan Moden Perlu Bekerjasama Dengan Pengamal Tradisional...](#)

[DBP: Usaha Martabatkan BM Perlu Di Tingkatkan...](#)

[Sumbangan UKM Kepada Pembangunan Lestari Dunia Di Hargai...](#)

[UIAM Menjuarai Pertandingan Pantun IPT 2014...](#)

[Tumbuhan Asli Yang Penuh Khasiat Perlu Dikomersialkan...](#)

[Hitachi Cadang Loji Nuklear Pertama Malaysia Menjelang 2028...](#)

[UKM Tubuhkan Satu Lagi Pusat Kesihatan Masyarakat...](#)

[Loji Tenaga Nuklear Terapung Untuk Malaysia?...](#)

[UKM Dipuji Kerana Beri Ruang Pelajarnya Memahami Pelbagai Budaya...](#)

[UKM Bantu Tangkis Serangan COMANGO Di Arena Antarabangsa...](#)

[Teliti Dahulu Sebelum Menerima Perjanjian Yang Menjejas Nilai Murni Kebangsaan...](#)

[UKM Berjaya Hasilkan Pakar Multimedia...](#)

[Teres Eko Niaga Boleh Jadi Ikon Perniagaan Pelajar...](#)

[Penjenamaan Semula Penting Dalam Usaha Memulihkan Syarikat Tenat...](#)

[Pelajar Multimedia Digesa Memohon Pinjaman Untuk Terbitkan Filem Animasi...](#)

[Majikan Lebih Pentingkan Kemahiran Insaniah Daripada Kecemerlangan Akademik...](#)

[Keadaan Cuaca Akan Kembali Normal Pertengahan Bulan Ini...](#)

[Bolehkah Tempoyak Menjadi Hidangan Di White House?...](#)

[UKM Bekerjasama Dengan Institut Penqajian Nahdlatul Ulama Untuk Kepentingan Islam...](#)

[Remaja Perlu Amalkan Budaya Boleh Berhujah...](#)

[Kakitangan Akademik Perlu Berinovasi Untuk Hayati Perubahan...](#)

[Pasukan Pelajar Undang-Undang Dari India Menjuarai Pertandingan Mahkamah Moot...](#)

[UKM Cadang Pertukaran Pensyarah Dan Pelajar Antara UKM Dan Universiti Latin Amerika...](#)

[Venezuela Meningkatkan Hubungan Perdagangan Dengan Asia Timur Termasuk Malaysia...](#)

[Penjaga Pesakit Hilang Ingatan Alami Tekanan Dan Kemurungan...](#)

[Pelajar UKM Bantu Tanam Pohon Gaharu...](#)

[Pelajar Digalakkan Menyertai Aktiviti Luar Kuliah Untuk Bina Sahsiah Dan Ketrampilan Diri...](#)

[Rayuan Banqunan Lama Puak Cam Dipelihara...](#)

[Kesedaran Isu Tenaga Dan Perubahan](#)



Oleh Saiful Bahri Kamaruddin

Foto Izwan Azman

BANGI, 20 Mac 2014 - Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dipuji oleh ahli sains Perubahan Iklim kerana sumbangannya terhadap usaha mengurangkan pelepasan gas rumah hijau di bawah Protokol Kyoto.

Penyelidik Perubahan Iklim Dr Gary W Theseira berkata kerjasama UKM dengan Yayasan Sime Darby (YSD) untuk pembangunan lestari teknologi sisa sifar bagi industri minyak sawit telah menarik perhatian seluruh dunia.



Dr Theseira, Timbalan Setiausaha di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, membuat penilaiannya yang meyakinkan itu dalam Syarahan Umumnya di sini hari ini atas tajuk *Politik Antarabangsa Perubahan Iklim*.

Beliau berkata Malaysia telah memberi sumbangan kepada penyelidikan alam sekitar melalui pakar Kaji Iklim dan Oseanografi UKM Prof Fredolin Tanggang, Naib Pengerusi Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (IPCC) Kumpulan Kerja 1.

Secara keseluruhannya, beliau berkata Malaysia berjaya menghasilkan maklumat penting kepada pembangunan lestari walaupun pada hakikatnya, seperti negara-negara membangun yang lain, ia tidak mempunyai matlamat tepat di bawah Protokol Kyoto bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Di bawah Protokol itu, negara-negara dunia ketiga dibenarkan membangun mengikut keperluan masing-masing.

Bagaimana pun beliau kesal bahawa Protokol Kyoto, yang menetapkan usaha pengurangan pengeluaran gas hijau yang perlu dipatuhi negara-negara maju, kurang berkesan kerana banyak negara-negara perindustrian - termasuk Amerika Syarikat - masih belum mematuhi perjanjian itu walaupun 17 tahun selepas ia dipersetujui mereka.

Dr Theseira, seorang pakar terkemuka mengenai sumbangan Malaysia kepada penyelidikan Perubahan Iklim di pentas antarabangsa, berkata Kanada, salah satu pengeluar minyak terbesar di dunia, belum menandatangani protokol Kyoto; Amerika Syarikat tidak mengesahkannya, seperti juga Australia, antara pengeluar arang batu yang terbesar di dunia.

China, India dan negara membangun lain tidak perlu mematuhi Protokol Kyoto dan sumbangan mereka secara rasmi hanya sah sehingga tahun 2012 dan diperbaharui pada tahun 2013.

Beliau berkata adalah sukar untuk meyakinkan negara-negara dunia ketiga untuk melakukan lebih banyak untuk mengurangkan pelepasan gas hijau kiranya negara-negara maju sendiri tidak menunjukkan kesediaan mereka untuk mengurangkan pengeluaran gas itu sebagaimana mereka sendiri berjanji.

Malaysia bagaimana pun mempunyai program untuk pembangunan lestari bagi perhutanan dan penggunaan tenaga boleh diperbaharui seperti tenaga solar dan sel fuel hidrogen yang dijalankan oleh universiti-universiti dan agensi-agensi kerajaan.

Dr Theseira dipinjamkan dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) kepada kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk menganalisis dasar, pembangunan dan sokongan untuk pengurusan alam sekitar, perubahan iklim dan pembangunan lestari.

Selain daripada keengganan negara-negara perindustrian utama mematuhi protokol Kyoto, beliau berkata negara-negara Barat sering menghubungkan isu-isu yang tidak berkaitan seperti perdagangan dan hak asasi manusia apabila mereka diminta untuk mematuhi syarat-syarat Protokol Kyoto.

Beliau menyifatkan Perubahan Iklim, atau Pemanasan Global, sebagai salah satu ancaman alam sekitar yang paling serius dalam abad ke-21 ini.

Ia adalah satu-satunya masalah alam sekitar global yang menerima perhatian ketua-ketua kerajaan dan telah menjadi agenda untuk hampir semua Persidangan lapan negara paling maju sejak bertahun kebelakangan ini.

Turut hadir pada syarahan itu Pengarah Perubahan Iklim UKM Prof Dato' Dr Sharifah Mastura Syed Abdullah, yang memberi ucapan pengenalan terhadap Dr Theseira selepas ucapan pembukaan oleh Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) Prof Dato' Dr Saran Kaur Gill.



[Iklim Rendah Dalam Kalangan Rakyat...](#)
[Pendidik Perlu Sesuaikan Corak Pengajaran Untuk Era Digital...](#)
[Pelajar Dan Pendidik Perlu Awasi Perkembangan Di Luar Negara...](#)
[UKM Terus Menjuarai Kejohanan Kriket Perisai Raja Melayu...](#)
[Pelajar UKM Zahirkan Keprihatinan Terhadap Keluarga Malang...](#)
[UKM Harus Jadi Suara Hati Negara...](#)
[Pelajar Universiti China Mudah Kuasai Bahasa Melayu...](#)
[Penghargaan Kepada Prof Dato' Dr Nik Hassan Kerana Khidmat Cemerlang Lebih 50 Tahun...](#)
[Kanak-kanak Yang Sering Di Dera Akan Kurang Hormati Ibu Bapa...](#)
[UKM Ungguli Kejohanan Bola Tampar IPT 8 Tahun Berturut-Turut...](#)
[Kerjasama Penyelidikan Pertuturan Dan Pendengaran Antara UKM dan University of Reading...](#)
[Prof Dr Mohd Raihan Taha Pengarah Baru LESTARI...](#)
[University Of Reading Ingin Bantuan UKM Mengenai Kajian Dwi Bahasa...](#)
[Kumpulan Pelajar UKM Menangi Hadiah Memorial Pertandingan Moot 2014...](#)
[Kemosotan Kasih Sayang Ibu Bapa Meningkatkan Masalah Remaja...](#)
[UKM Memenangi Tempat Kedua Di Pertandingan Shell Eco-Marathon...](#)
[Anggota PALAPES Mempunyai Kelebihan Antara Semua Pelajar...](#)
[Inovasi Mudah Boleh Mendatangkan Perubahan Besar...](#)
[Usaha Memulihkan Kualiti Air Di Tasik Chini...](#)
[Prof Noor Aziah Dilantik TNC HEPA Baru...](#)
[Kedudukan UKM Meningkatkan Dalam Senarai Universiti Dunia...](#)
[UMT Mohon Bantuan UKM Untuk Meningkatkan Penedahannya Di Media...](#)
[UKM Sekali Lagi Mendominasi Kejohanan Kriket Universiti...](#)
[Pelajar Universiti Asean Dipuji Kerana Prihatin Terhadap Masyarakat...](#)
[Konsert Diraja Yang Mempesankan Sempena Ulang Tahun Keputeraan Ke 66 Tuanku Muhriz...](#)
[Latihan Baru Palapes Bermula...](#)

Arkib Berita

[November 2013...](#)
[Oktober 2013...](#)
[September 2013...](#)
[Ogos 2013...](#)
[Julai 2013...](#)
[Jun 2013...](#)
[Mei 2013...](#)
[April 2013...](#)
[Mac 2013...](#)
[Februari 2013...](#)
[Januari 2013...](#)
[Disember 2012...](#)
[November 2012...](#)
[Oktober 2012...](#)
[September 2012 ...](#)
[Ogos 2012...](#)
[Julai 2012...](#)
[Jun 2012...](#)
[Mei 2012...](#)
[April 2012...](#)
[Mac 2012...](#)
[Febuari 2012...](#)
[Januari 2012...](#)
[Disember 2011...](#)
[November 2011...](#)
[Oktober 2011...](#)
[September 2011...](#)
[Ogos 2011...](#)
[Julai 2011...](#)
[Jun 2011...](#)
[Mei 2011...](#)
[April 2011...](#)
[Mac 2011...](#)

[Februari 2011...](#)
[Januari 2011...](#)
[Disember 2010...](#)
[November 2010...](#)
[Oktober 2010...](#)
[September 2010...](#)
[Ogos 2010...](#)
[Julai 2010...](#)
[Jun 2010...](#)

[PENAFIAN](#), [HAKCIPTA](#), [DASAR PRIVASI](#), [DASAR KESELAMATAN](#) | [TWITTER](#) | [YOU TUBE](#) | [HUBUNGI KAMI](#)

Best view using Internet Explorer 7.0, with the resolution of 1024x768

[CSS Valid](#) | [XHTML Valid](#) | [Top](#)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM, Bangi Selangor, Malaysia | Tel : +603 8921 5555 | Faks : +603 8921 4097 |

Email UKM News Portal: news@ukm.my / Copyright of The National University of Malaysia Build and maintain by Centre for Corporate Communications